



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Suara Keadilan
Date	8 September 2015

Dakwaan rasuah: Najib memalukan negara, tiada alasan terus jadi PM

Suara Keadilan - 8/9/2015

Oleh REDZUAN SHAMSUDIN

BELUM pernah dalam sejarah Malaysia Perdana Menteri dikritik hebat dalam mana-mana persidangan antarabangsa menentang rasuah.

Namun, hal itulah yang terjadi kepada PM Najib Razak dalam Persidangan Antarabangsa Pencegahan Rasuah (IACC) ke-16 yang menghimpunkan 1000 delegasi dari 130 negara, berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 4-5 September lalu.

Najib yang ghairah ingin merasmikan persidangan tersebut dinasihatkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Paul Low agar tidak menghadirkan diri bagi menjaga saki-baki maruahinya.

Dikritik hebat

Bagaimanapun, perwakilan tidak berminat untuk bersopan-santun menghadapi tuan rumah. Pada hari pertama, Pengasas Bersama Transparency International (TI) Michael J Hershman dalam ucapannya mengkritik dakwaan dana RM2.6 bilion dalam akaun peribadi Najib yang tidak diketahui dari manakah sumbernya. Beliau menggesa PM berterus-terang untuk tujuan apakah sumbangan tersebut dibuat.

Seorang lagi perwakilan, Pengerusi Transparency International Jose Ugaz berucap menyifatkan dakwaan 'derma' tersebut mempunyai pelbagai elemen dalam praktik rasuah.

Pada hari kedua, Pengerusi gabungan Konvensyen Anti Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCAC) mendesak Najib meletak jawatan dan membenarkan siasatan bebas dilakukan. Beliau mengkritik keras langkah PM menukar beberapa kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menamatkan kontrak Peguam Negara dan menggantung akhbar yang mendedahkan kebenaran.

Ucapan dalam forum ini dipancarkan ke berpuluh-puluh negara. Dalam tempoh satu hari warga dunia faham apakah yang sebenarnya berlaku di

Malaysia.

Tidak ada ahli politik negara ini sepanjang 58 tahun merdeka sanggup menghitamkan imej negara sedemikian rupa. PM sebelum ini lebih mudah memilih untuk bersara ketika kontroversi melanda. Tunku Abdul Rahman bersara selePAS tercetusnya rusuhan kaum 13 Mei 1969, Tun Hussein Onn melepaskan jawatan setelah dikatakan sering tidak sihat, Tun Mahathir bersara apabila keputusan pilihan raya umum 1999 tidak begitu memihak BN, Tun Abdullah Badawi meletak jawatan selePAS pilihan raya umum 2008 hampir menghumban BN ke bakul sampah sejarah.

Namun Najib berani menebalkan muka untuk tidak bersara selePAS pilihan raya umum 2013 mencatat keputusan paling buruk. Pembangkang memenangi 52 peratus undi popular. Najib juga tidak berganjak apabila SPRM menemui bukti dana RM2.6 bilion dalam akaun peribadinya.

Keberanian perwakilan antarabangsa mengecam Najib di tanah air pahlawan Bugis itu tentulah bersebab. Mahathir pada 1999 hanya menerima ucapan kurang enak daripada Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore dalam majlis makan malam selePAS diktator itu memecat Anwar Ibrahim.

Kecaman terhadap Najib kali ini adalah dalam majlis rasmi. Sebab utama perwakilan mengolah ucapan dan menyentuh secara terperinci kesalahan Najib tentulah selePAS melihat kebangkitan 500,000 rakyat Malaysia berhimpun pada 29-30 Ogos lalu. Mereka berpendapat era Najib telah berakhir dan para perwakilan berebut-rebut ingin memaku kerandanya.

Keengganan Najib menjawab atau melangkah keluar dari pejabat beliau selePAS ini akan membawa imej yang lebih buruk kepada negara. Malaysia akan dirujuk sebagai negara penuh skandal. Setaraf negara-negara korup di Afrika. Mungkin Najib dalam pemberitaan media asing akan disamakan dengan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe yang menyonglap harta rakyat tetapi masih terus berkuasa.

Kehtiman imej yang berganda tentunya menjauhkan pelaburan baharu

dan menyebabkan pelahur asing sedia ada meninggalkan Malaysia. Kedegilan Najib sangat berbahaya. Bukan sahaja Wawasan 2020 tidak akan berlaku dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin menguncup tetapi rakyat jelata akan kehilangan pekerjaan.

Dijangkakan pada hujung 2015 akan berlaku penarikan keluar modal secara besar-besaran daripada bursa saham dan sektor industri. Rakyat mungkin kembali ke era kemelesetan 1985-1987. Tidak wujud peluang pekerjaan baharu dan peluang pekerjaan sedia ada semakin mengecil.

Najib sebagai Menteri Kewangan hari ini juga gagal menjelaskan dengan baik mengapakah eksport Malaysia tidak berkembang ketika nilai ringgit jatuh. Kononnya produk keluaran Malaysia murah, bagaimanapun laporan kewangan menunjukkan tidak ada peningkatan eksport sejak Januari lalu.

Krisis ekonomi

Mungkinkah situasi rakyat keluar membawa periuk atau kualiti dan mengetuknya sepanjang jalan sebagaimana berlaku di Buenos Aires, Argentina pada 1999 lalu, sewaktu negara itu terjerumus ke kancas krisis ekonomi adalah tidak jauh di hadapan? Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang amat ditakuti pemimpin BN akan masuk dan membubarkan sistem kapitalisme kroni? Sebab itulah, Dr Mahathir sanggup bertarung bermati-matian menentang Najib demi meneruskan kelangsungan para kroninya.

Sekiranya Najib cuba melawan keruntuhan ekonomi atau kebangkitan rakyat secara keras maka kesan buruknya berganda. Beliau hanya ada satu pilihan selePAS itu, iaitu meninggalkan negara andainya gagal.

Musuh Najib kini bukan pembangkang tetapi ahli politik BN yang akan meneruskan tuduhan rasuah ke atas beliau sebaik sahaja hilang kuasa. Najib sewajarnya berunding dengan musuh-musuhnya dan melepaskan jawatan dalam keadaan aman.